

20/03/2002

FDI strategi penting Malaysia kekal makmur

Mahfar Ali

PELABURAN langsung asing (FDI) akan terus menjadi strategi penting Malaysia untuk mengekalkan pertumbuhannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tahun lalu Malaysia menarik FDI berjumlah AS\$4.8 bilion dalam sektor pembuatan dengan Jerman menjadi pelabur asing kelapan terbesar dari segi pelaburan yang diluluskan dalam sektor itu.

Katanya, Malaysia meluluskan sejumlah 122 projek yang mempunyai kepentingan Jerman sejak 1996 hingga tahun lalu membabitkan pelaburan bernilai AS\$1.2 bilion.

Dr Mahathir berkata, pelaburan itu meliputi projek baru serta pengembangan dan pelbagaian kemudahan sedia ada.

Beliau juga berkata, pada masa ini lebih 300 syarikat yang mempunyai kepentingan Jerman, beroperasi dalam pelbagai sektor di Malaysia, termasuk pembuatan.

"Ini menunjukkan penyertaan besar syarikat Jerman dalam aktiviti ekonomi Malaysia," katanya dalam perjumpaan dengan Persekutuan Industri Jerman dan Pertubuhan Perdagangan Jerman-Asia Pasifik di Berlin, petang semalam.

Dr Mahathir tiba di Berlin dari Munich tengah hari semalam bagi meneruskan lawatan rasmi tiga hari ke Jerman. Di Berlin, beliau akan bertemu Canselor Jerman, Gerhard Schroeder.

Perdana Menteri juga akan merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia. Kali terakhir Dr Mahathir ke Berlin ialah pada 1988.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata pelaburan Jerman di Malaysia juga meningkat dari setahun ke setahun sejak tiga dekad lalu.

Bagaimanapun, katanya, masih banyak peluang yang boleh diterokai termasuk dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan, automotif serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Beliau berkata, syarikat Jerman yang menjadi peneraju dunia dalam sektor pembuatan komponen elektronik, juga boleh memperluaskan lagi pelaburannya dalam sektor itu di Malaysia.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, syarikat Jerman boleh menjadikan Malaysia sebagai laluan strategik untuk memasuki pasaran Asean.

Katanya, Asean yang mempunyai lebih 500 juta penduduk, walaupun berpendapatan rendah, masih satu pasaran yang tidak boleh diketepikan.

"Malaysia percaya dalam perkongsian pintar dan konsep memakmurkan jiran. Makmurkan Malaysia dan Asean, dan kami akan menjadi pasaran yang besar untuk Eropah.

"Keuntungan kami akan menjadi keuntungan anda," katanya yang turut menjelaskan mengenai persetujuan Asean menghapuskan tarif produk di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga mengajak lebih ramai pelancong Jerman berkunjung ke Malaysia. Tahun lalu, 12.8 juta pelancong melawat Malaysia, tetapi pelancong Jerman cuma 70,401.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir mengulangi kebimbangannya mengenai ketidakadilan dalam perkongsian faedah yang diperolehi dari konsep dunia tanpa sempadan itu.

Malah, Perdana Menteri sedih kerana masih ada negara dan penduduk yang hidup daif, di sebalik banyak perbincangan diadakan mengenai hak asasi manusia dan keadilan sosial.

(END)

